

Produk terbaharu ada potensi untuk dieksport

# Penanaman daun kelor diperluas

Oleh MUHAMAD AIMY AHMAD

pengarang@utusan.com.my

■ BATU PAHAT 11 OKT.

**K**ERAJAAN negeri bercadang untuk memperluaskan tanaman daun kelor atau nama saintifiknya 'moringa oleifera' sebagai antara produk pertanian terbaharu.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani, Pembangunan Usahawan dan Koperasi negeri, Ismail Mohamed berkata, tanaman itu mempunyai potensi besar termasuk dieksport ke luar negara kerana permintaan yang tinggi.

Menurutnya, daun kelor telah lama dikomersialkan di Indonesia dan banyak ditanam di Sarawak yang mempunyai pelbagai khasiat termasuk dari segi perubatan bagi mengelak penyakit gout dan diabetes.

“Sebagai permulaan, Jabatan Pertanian telah menanam 1,000 batang pokok 'moringa oleifera' di Pusat Pertanian Ayer Hitam, di sini sebagai projek perintis untuk kajian dan pengeluaran benih.



**ISMAIL MOHAMED** (belakang dua dari kiri) menyaksikan pertukaran dokumen MoU antara Jabatan Pertanian, UTHM dan Syarikat Living Micro di Pusat Pertanian Ayer Hitam, Batu Pahat, Johor, kelmarin.

“Malah, kita juga mempunyai kerjasama dengan sebuah kilang berhampiran yang memproses tanaman itu sebagai produk-produk

komersial,” katanya selepas merasmikan Program Gelombang Tani Nasional peringkat negeri, di sini semalam.

Selain sebagai produk kesihatan, 'moringa oleifera' turut dijadikan jus, minuman seperti teh dan kopi, sabun, losyen serta minyak terapi.

Mengulas lanjut, Ismail berkata, daun kelor juga sesuai diusahakan sebagai tanaman selingan di 10 Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) yang dirizabkan untuk pengeluaran bahan makanan di negeri ini.

“Mungkin untuk peringkat awal ini kita akan tanam pokok tersebut di TKPM Batu Pahat dan Kluang selain menggalakkan petani berhampiran menceburi tanaman itu.

“Apatah lagi terdapat syarikat yang berupaya memproses tanaman ini dan usahawan yang mengusahakannya berpotensi untuk mendapat pulangan tinggi,” katanya.

Sementara itu, satu memorandum persefahaman (MoU) antara Jabatan Pertanian, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dan Syarikat Living Micro Corporation Sdn. Bhd., dimeterai bagi kajian dan penggunaan teknologi tanaman 'moringa oleifera'.